

Transformasi Ruang Tinggal: Ke Arah Lanskap Infrastruktur Hijau di Lembah Klang

Mohamed Ikhwan Nasir Bin Mohamed Anuar (P86590)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: ikhwannasiranuar@gmail.com

Pernyataan Masalah: Salah satu cabaran proses urbanisasi adalah mengurangkan kesan kewujudan ruang tinggal hasil daripada pertumbuhan pesat infrastruktur berprestasi tinggi seperti lebuh raya bertingkat. Adalah tidak dinafikan kewujudan lebuh raya bertingkat adalah penting dalam menambah baik kemudahan di dalam kawasan bandar, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan juga menangani masalah kesesakan lalu lintas; namun secara selarinya kewujudan struktur-struktur berskala mega ini telah juga menjejaskan fabrik bandar sedia ada dan ciri-ciri kesinambungan ruang terutamanya pada skala manusia. Pembinaan lebuh raya bertingkat yang merentasi kawasan kejiranan bandar di sesetengah kawasan juga telah secara langsung mengakibatkan wujudnya ruang tinggal yang tidak jelas fungsinya jika dibandingkan dengan struktur mega yang mempunyai fungsi, tujuan dan matlamat yang jelas. Kajian kepustakaan telah mendedahkan bahawa kewujudan ruang tinggal ini memberi impak kepada imej serta kesinambungan ruang bandar dan juga mengundang wujudnya aktiviti sosial tidak sihat. Impak pembinaan infrastruktur terhadap komuniti setempat juga disebut sebagai salah satu isu bandar di dalam Pelan Induk Kuala Lumpur 2020. Ruang tinggal ini sering diabaikan dari proses perancangan formal, namun entiti bandar ni mempunyai nilai intrinsik yang tersendiri di mana perkara ini boleh dilihat dari adaptasi komuniti setempat yang menggunakan ruang tinggal tersebut. **Objektif:** Kajian ini bermatlamat membentuk satu anjakan paradigma dalam menilai ruang tinggal ini; sebuah transformasi daripada ruang yang pada normanya diabaikan dalam proses pembangunan dan perancangan formal kepada ruang yang mempunyai fungsi dan menyumbang secara lestari serta diperkenalkan semula dalam sistem dan proses harian sesebuah bandar. Kajian ini merangkumi inventori ruang tinggal, menyiasat ciri-ciri dan kegunaan fizikal sedia ada ruang tinggal, mengenalpasti jenis peluang yang wujud hasil dari terbentuknya ruang ini serta menganalisa perihal governan ruang tinggal. **Metodologi:** Kajian ini akan dijalankan melalui kerjalapangan yang melibatkan pemerhatian berstruktur di beberapa tapak di Lembah Klang, dokumentasi grafik dan gambar, temubual kualitatif dan perbincangan berkumpulan bersama-sama dengan pakar bidang serta pihak-pihak berkepentingan. **Kesimpulan:** Hasil, kesimpulan dan teras kajian ini akan menyokong hasrat Pelan Induk Greater Kuala Lumpur/Klang Valley dalam mencapai pertumbuhan pesat selari dengan meningkatkan dayahuni di bandar. Kajian ini juga akan membantu dalam mengenalpasti jenis, ciri-ciri dan peluang bagi merekabentuk dan merancang ruang tinggal di Lembah Klang khususnya yang melibatkan lebuh raya bertingkat serta membantu pihak berwajib dalam menguruskan ruang ini.

Kajian Penyertaan Komuniti Tempatan di dalam Pembangunan Pelancongan Lestari Kubang Badak, Langkawi UNESCO Global Geopark, Malaysia

Ak. Mohd Rafiq Bin Ak. Matusin (P86105), Chamhuri Bin Siwar dan Sharina Abdul Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: rafiq@siswa.ukm.edu.my

Pernyataan Masalah: Pulau Langkawi, Kedah secara rasminya telah diisytiharkan sebagai salah satu tapak UNESCO Global Geopark pada Jun 2007 oleh Global Geopark Network yang mana konsep Geopark ini menekankan konsep pembangunan yang lestari dengan mengintegrasikan aspek pemuliharaan warisan (geologi, biologi dan budaya) serta pembangunan tempatan (sosio-ekonomi dan infrastruktur) yang dikembangkan melalui pendekatan “Bawah-Atas”. Namun sebaliknya, pihak kerajaan mengawal sepenuhnya proses membuat keputusan berkaitan pembangunan pelancongan Langkawi Geopark di mana proses penyertaan yang sedia ada adalah terhad dan tiada rundingan serta keputusan berkaitan pembangunan pelancongan Langkawi Geopark dibuat dengan melibatkan komuniti tempatan. Isu ini timbul disebabkan kurang kesedaran dan kefahaman konsep Geopark dalam kalangan pihak pentadbiran selain dari kekangan birokrasi dan kelemahan sistem pentadbiran semasa yang mana kebanyakan peraturan serta prosedur yang penting direka untuk mengekalkan penguasaan penuh pihak kerajaan dalam pembangunan pelancongan Langkawi Geopark. **Objektif:** Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina satu cadangan mekanisma untuk memperbaiki pendekatan penyertaan sedia ada disamping menggalakkan penyertaan proaktif komuniti tempatan khususnya di dalam proses pembangunan pelancongan lestari Langkawi Geopark. **Metodologi:** Kubang Badak telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana potensi kawasan ini untuk dibangunkan sebagai salah satu destinasi ekopelancongan yang lestari di Langkawi Geopark yang mana pembangunan pelancongan di kawasan ini masih berada di peringkat awal dan ini membuka peluang kepada kajian ini untuk menilai mekanisma yang telah dicadangkan. Kaedah triangulasi serentak (*Concurrent Triangulation*) akan digunakan mengikut kesesuaian objektif kajian dan data yang diperolehi akan dianalisis melalui perisian seperti SPSS, AMOS dan Leximancer dan keputusan tersebut akan diinterpretasi melalui kaedah triangulasi. **Kesimpulan:** Signifikannya, hasil pandangan komuniti tempatan yang bakal diperolehi akan memberi satu tanda aras atau rujukan khususnya kepada pihak pelaksana untuk memahami dan meneliti potensi, halangan serta cadangan untuk membangunkan aktiviti pelancongan dengan lebih efektif yang secara tidak langsung penyertaan aktif komuniti tempatan ini akan turut membantu mengurus sumber alam di destinasi pelancongan Langkawi Geopark dengan lestari.

Pembangunan Model Penilaian Sumber Semulajadi dan Rekreasi

Mohd Zakaria Hamzah (P72322), Saiful Arif Abdullah dan Shahrudin Mohamad Ismail

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: m.z_alzkr@yahoo.com

Penyataan Masalah: Perancangan dan pembangunan ekopelancongan di Semenanjung Malaysia berhadapan ketiadaan model penilaian sumber semulajadi dan rekreasi yang boleh digunapakai untuk merancang dan menentukan kesesuaian sesebuah kawasan ekopelancongan. Keadaan ini membawa kepada kemerosotan sumber semulajadi, ketidakstabilan ekosistem, pencemaran air, kelemahan daya tampung, ancaman kepada habitat, flora dan fauna serta mencetuskan konflik di antara masyarakat tempatan. Secara tidak langsung keadaan ini telah mengurangkan nilai estetika sesebuah kawasan ekopelancongan itu sendiri. **Objektif:** Justeru, objektif kajian adalah untuk membangunkan sebuah model penilaian sumber semulajadi dan rekreasi yang holistik sebagai asas dan panduan dalam merancang serta menentukan kesesuaian sesebuah kawasan ekopelancongan yang lestari. **Metodologi:** Kajian ini merangkumi pengenalpastian kriteria-kriteria asas ekopelancongan lestari, pemetaan kawasan dan pengukuran peratusan kawasan yang berpotensi untuk ekopelancongan lestari. Pengesahan kriteria-kriteria ekopelancongan lestari berasaskan pandangan pakar dijalankan, di mana kriteria-kriteria tersebut digunakan di dalam survei soal-selidik dan temubual bersama penduduk tempatan. Koordinat kriteria yang diperolehi direkodkan dan disimpan di dalam Sistem Maklumat Geografi (ARC/INFO versi 7.1.1) yang kemudiannya akan dibangunkan peta taburan kriteria. Peta taburan kriteria tersebut dijadikan asas kepada model pemetaan ekopelancongan lestari berdasarkan kategori kesesuaian; i.e sangat sesuai, sesuai, kurang sesuai dan tidak sesuai untuk ekopelancongan lestari. Model tersebut seterusnya dibandingkan dengan pelan pemetaan kawasan ekopelancongan sedia ada untuk melihat peratusan kawasan yang telah dibangunkan untuk tujuan yang berlainan. **Hasil:** Jangkaan hasil kajian ini adalah set kriteria penilaian sumber semulajadi & rekreasi, pemetaan ekopelancongan lestari dan status semasa kawasan yang telah dibangunkan untuk tujuan yang berlainan. **Kesimpulan:** Sebagai satu kajian kes, model ini diharap boleh dijadikan asas untuk perancangan pembangunan ekopelancongan lestari di seluruh negara. Justeru, suatu kawasan ekopelancongan yang lebih terancang, holistik dan lestari dapat dibangunkan pada masa akan datang.

Integrating Renewable Energy with Micro Architecture: A Sustainable Living Solution for Tropical Nations, an Integral Procedure of SLiM (Sustainable Living in Malaysia)

Alwin Long Su Weng (P72675)

Institute for Environment and Development (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Problem Statement: Areas for development focus on healthier sanitation, higher security, improvement of comfort, increase of knowledge and sustainability; while the aspect of technologies encompasses energy, clean water generation, waste management as well as a living space that is secure, comfortable and yet remains similar to the natural habitat. **Objective:** The purpose of this research is to ascertain the relationships between communities' grassroots needs and the technologies implemented. **Methodology:** Through the exploration, existing technologies will be challenged in authentic tropical ecosystem on its effectiveness. **Results:** This study authenticates a past project implemented in a specific village in Malaysia on the effectiveness of development through users' account. The prevailing trend is that the development and technologies were not fully utilized due to limited research performed on empathy, which resulted in waste of resources and unmet needs. This births forth the development process model where relationship between needs and technologies is in union. **Conclusion:** The result of this analysis can be used to determine the customization of technologies on micro architecture as a sustainable development solution. The findings may be useful in meeting rural development needs elsewhere by successively following through the SLiM (Sustainable Living in Malaysia) process model to improve efficiency and solutions delivery.

Penunjuk Pelancongan Lestari di Cameron Highland daripada Kaca Mata Komuniti Tempatan dan Pelancong

Zairin Akma Binti Zolkapli (P80509)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Dalam kepesatan arus pembangunan dan anjakan ekonomi, sektor pelancongan merupakan salah satu medium yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan dan membawa pulangan yang besar kepada ekonomi negara. Pelbagai jenis produk pelancongan ditawarkan kepada pelancong bagi memenuhi tuntutan mereka. Perkembangan trend semasa ini telah mendorong pihak pengurusan sesuatu destinasi menambah nilai dan menaik taraf produk dan perkhidmatan pelancongan sehingga ada yang sanggup mengetepikan nilai kelestarian yang perlu diamalkan dalam pelancongan lestari. Kepincangan terhadap nilai kelestarian mengundang kepada berlakunya bencana yang semakin hari semakin berleluasa di Cameron Highland. Oleh itu, kajian ini menggunakan penunjuk pelancongan lestari untuk mengukur kriteria kelestarian berdasarkan pandangan pelancong dan komuniti tempatan. **Objektif:** Menilai kelestarian sektor pelancongan di Cameron Highland. **Metodologi:** Kajian ini merupakan sebuah kajian rintis yang menggunakan data primer iaitu penggunaan borang soal selidik. Kaedah kajian bertujuan mendapatkan maklumat terus daripada responden secara bersemuka. Sebanyak 60 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 orang pelancong dan 30 orang komuniti tempatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti pelancongan di Cameron Highland. Data dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dan Man Whitney U. **Hasil:** Kajian menunjukkan kelestarian pelancongan di Cameron Highland masih berada di tahap terkawal dan data menunjukkan keseimbangan pendapat di kalangan pelancong dan komuniti tempatan. **Kesimpulan:** Hasil kajian belum menampakkan kriteria sebenar yang ingin diukur kerana data hanya menggunakan sampel yang sedikit. Namun begitu secara kasarnya dapat dinyatakan bahawa tahap kelestarian pelancongan di Cameron Highland berada di tahap memuaskan tapi masih ada lagi jurang yang perlu diperbaiki dan diambil kira oleh pihak pentadbiran di Cameron Highland.

Identifying Motivational Factors among Hoteliers in Implementing Green Hotel Initiative: A Case of Langkawi Geopark in Kedah, Malaysia

Muhammad Najib Bin Noh @ Seth^a (P85978) and Sharina Abdul Halim^b

^aFaculty of Science and Technology,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
^bInstitute for Environment and Development (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Problem Statement: Tourism sector is an important segment of the Malaysian economy due to its importance in the nation's foreign exchange, economic growth and employment generation. In Malaysia, tourism sector is heavily dependent on the hospitality industry, in which is also said to be one of the main contributors to environmental impacts. Due to the substantial amount of pollution created by the hotel's daily operations, the hospitality industry as a whole is being pressured by many forces, namely consumers and environmental regulatory non-profit organizations, to become more environmentally friendly. Therefore, hotels are becoming more aware of the environmental impact of their activities thus participate in green hotel initiatives. Mindful of these concerns, hoteliers recognise the green shifts in consumer behaviours and the importance of promoting environmentally responsible products/services and proactive management and implementing environmentally conscious practices to improve their competitiveness in the market. The Green Hotel Initiative has been recognised by The Green Hotel Association, and defined as environmentally-friendly properties, whose managers are eager to institute programs that save water, save energy and reduce solid waste—while saving money—to help protect our one and only earth. In Malaysia, there are only 10 hotels that have been awarded with Green Hotel certificates. Several studies have shown that most of the hoteliers began to adopt green approaches because of financial benefits and changing attitudes of tourists towards sustainable tourism. Although, currently there are many hotels that are actively participating in greening the hotel, such as operating and purchasing in green manners, most are still practicing at the early stages. **Objective:** The aim of this study is to identify components of Green Hotel Initiative among hoteliers in Langkawi Geopark and to examine motivational factors among hoteliers in practicing and implementing Green Hotel Initiative. **Methodology:** This study employed qualitative method using in depth interview, observation and documents analysis at 50 hotels and resorts located around in Langkawi Geopark. This research focused on 2 stars – 5 stars hotels consisted of 30 local-owned and 20 franchised/foreign-owned hotels. **Conclusion:** In general, greening the hotel is considered a very new business model for local hoteliers compared to hotels in developed countries. Green Hotel businesses are still in an early stage in Malaysia. Well planned approaches for sustainable development will help reduce negative impacts towards the environment in Langkawi Geopark.